

**SURAT AKUAN PELANTIKAN JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL
TENDER / SEBUT HARGA**

Saya, _____ No. Kad Pengenalan _____
dari (Jabatan/Sekolah/Pusat/Institut/Unit) _____ adalah dengan
sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam tender/sebut harga
- ii. Saya tidak akan bersubhat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa perolehan;
- iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- iv. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- v. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii, iii dan iv dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
- vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana- mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tandatangan :

Jawatan :

Jabatan/Sekolah/Pusat/Institut/Unit :

Tarikh :

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL
TENDER / SEBUT HARGA**

Saya, _____ No. Kad Pengenalan _____
dari (Jabatan/Sekolah/Pusat/Institut/Unit) _____ adalah dengan
sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender/Sebut Harga tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau suapan seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i dan ii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- v. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Tandatangan :
Jawatan :
Jabatan/Sekolah/Pusat/Institut/Unit :
Tarikh :